

04 JUL 2003

Najib-Khidmat/I

PERTUBUHAN, PERSATUAN CINA PERSETUJUI PROGRAM KHIDMAT NEGARA

KUALA LUMPUR, 4 Julai (Bernama) -- Dua puluh enam pertubuhan dan persatuan Cina menyokong program Khidmat Negara tetapi mahukan butiran terperinci diselesaikan sebelum program itu dilaksanakan tahun depan.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata mereka bukan sahaja menyokong program itu tetapi juga akan menganjurkan roadshow bagi memberikan penjelasan kepada masyarakat Cina mengenai kebaikan program berkenaan.

Kira-kira 60 wakil dari pertubuhan dan persatuan Cina yang diketuai Presiden MCA Datuk Seri Ong Ka Ting, menghadiri taklimat mengenai program itu di Kementerian Pertahanan di sini hari ini.

Semasa ditemui pemberita kemudian, Najib berkata kumpulan berkenaan juga berjanji untuk menyediakan maklumat balas daripada masyarakat Cina berkaitan program itu kepada kerajaan.

"Mereka mahukan perincian mengenai program itu. Mereka juga mahu agar setiap masalah diberikan pertimbangan, umpamanya gangguan kepada pengajian," kata Najib, semasa menggariskan kebimbangan yang dibangkitkan semasa taklimat itu.

Program Khidmat Negara, yang diilhamkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, disasarkan kepada pelajar-pelajar yang sudah selesai menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Matlamatnya ialah bagi menanam semangat patriotisme di kalangan belia dan merapatkan jurang antara masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

"Mereka (26 pertubuhan dan persatuan) menerima matlamat program ini tetapi mahu agar program itu mempunyai komposisi kaum yang betul dan ini termasuk juga jurulatihnya," kata Najib.

Beliau berkata pertubuhan dan persatuan Cina itu juga mahu kerajaan memberikan kepastian bahawa tiada sebarang elemen keagamaan dalam program berkenaan dan ianya juga tidak harus terlalu lasak.

Dalam perkembangan lain, Najib berkata kerajaan juga telah memilih enam pegawai untuk menyelaraskan program Khidmat Negara tetapi pemegang jawatan utama masih belum dinamakan.

Sementara itu, Ong berkata pertemuan hari ini amat berjaya dan pemimpin masyarakat yang menghadiri taklimat berkenaan berkeyakinan bahawa Khidmat Negara akan memberikan manfaat kepada golongan belia.

"Mereka berasa lebih gembira dan positif selepas perjumpaan hari ini. Perkara-perkara yang belum jelas telahpun diberikan penjelasan," kata beliau lagi.

-- BERNAMA

SR MFJ ROS